

# 'Shapawi lain daripada yang lain'

Oleh Sukhairi Thani  
sukhairi@bh.com.my

Kuala Lumpur

**M**enteri Belia dan Sukan, Khairy Jamaluddin Abu Bakar menyifatkan Ketua Pengarah Majlis Sukan Negara (MSN) yang baharu, Ahmad Shapawi Ismail berbeza dengan lapan calon akhir yang memohon jawatan itu, semalam.

Khairy berkata, ketika sesi temuduga, Shapawi dilihat berbeza daripada calon lain yang disifatkan mahu melakukan segala-galanya ataupun mampu melakukan semuanya seolah-olah seperti 'Superman'.

"Saya nampak dia ada satu sikap mengutamakan matlamat dan juga KPI (petunjuk prestasi utama)," kata Khairy dalam sidang media selepas mengumumkan pelantikan Shapawi, semalam.

"Ada beberapa pemohon yang mereka mahu lakukan kesemuanya... boleh melakukan semuanya."

"Satu perkara yang bagus mengenai Shapawi, dia tak mahu mempromosikan diri sebagai 'Superman' yang boleh selesaikan semua masalah tetapi dalam masa sama dia kata dia ada sasaran yang perlu dicapainya."

## Pengganti belum ada

"Dia dilantik atas pengalaman luas dalam sukan dan menunjukkan visi yang terbaik ketika sesi temuduga. Dia dilantik atas kepakaran dalam pentadbiran sukan dan pengalaman dia se-

» *Lulus temuduga kerana ada visi dan sasaran yang hendak dicapainya*



Khairy (kanan) menunjukkan buku laporan selepas mempengerusikan mesyuarat Lembaga Pengurusan MSN di Bukit Jalil, semalam.

[FOTO MOHAMAD SHAHRIL BADRI SAALI/BH]

bagai pentadbir dalam agensi kerajaan. Dia juga yang pertama memegang semua jawatan tertinggi dalam agensi sukan ini."

Shapawi yang sebelum ini memegang jawatan sebagai Pesuruhjaya Sukan akan mulakan

tugasannya bermula hari ini manakala penyandang sebelum ini Datuk Seri Zolkples Embong diberi tanggungjawab sebagai Ketua Pegawai Eksekutif (CEO) Sukan SEA Kuala Lumpur 2017.

"Jawatan untuk Pesuruhjaya

Sukan yang baharu masih belum ada lagi. Saya dan KSU (Ketua Setiausaha KBS), akan bincangkan beberapa nama dan kita akan putuskan pada awal Januari ini," kata Khairy.

Pada bulan lalu, KBS mengiklankan jawatan ketua pengarah

itu dan menerima 40 permohonan termasuk satu dari luar negara.

**BIODATA**

## **BIODATA**

### **Ahmad Shapawi Ismail**

- ◎ Tarikh lahir:  
28 September 1963
- ◎ Umur: 51 Tahun
- ◎ Tempat lahir: Selangor  
(Dibesarkan di Kedah)
- ◎ Isteri: Rosni Koronay (Guru)
- ◎ Anak: 5

### **Karier**

- ◎ 1987 : Pembantu Penyelidik Universiti Putra Malaysia
- ◎ 1988 – 1996 : Pegawai Belia dan Sukan Majlis Sukan Negara Malaysia
- ◎ 1996 – 2005 : Pengarah Bahagian Persediaan Antarabangsa Majlis Sukan Negara Malaysia
- ◎ 2005 – 2007 : Pengarah Bahagian Dasar Majlis Sukan Negara Malaysia
- ◎ 2007 – 15 Ogos 2012: Pengarah Bahagian Atlet Majlis Sukan Negara Malaysia
- ◎ 16 Ogos 2012 – 16 Jun 2013 : Ketua Pegawai Eksekutif Institut Sukan Negara
- ◎ 17 Jun 2013 – 18 Disember 2014 : Pesuruhjaya Sukan Malaysia Kementerian Belia dan Sukan